



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR**  
**PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PROJEK**  
**KOD KURSUS : DSB3173**  
**PEPERIKSAAN : MEI 2021**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.


**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.


1. Lengkapkan carta di bawah.

(3 markah)



2. Berikan **tujuh (7)** skop kerja kontraktor utama.

(7 markah)



3. Kelaskan ciri-ciri berikut mengikut kesesuaian jenis tender:

(10 markah)

- Mutu pembinaan yang dihasilkan adalah tinggi.
- Hanya kontraktor yang mempunyai pengurusan dan pengalaman yang baik serta modal yang cukup layak menyertai tawaran ini.
- Dapat melaksanakan kehendak kerajaan bagi menggalakkan 30% bumiputra menceburi bidang pembinaan.
- Hanya terhad kepada segolongan kontraktor sahaja.
- Kos pembinaan akan menjadi lebih tinggi disebabkan penggunaan teknologi terkini yang jarang dimiliki oleh kontraktor yang lain.
- Memberi peluang kepada kontraktor bumiputra untuk menceburkan diri dalam industri binaan tanpa persaingan dari kontraktor bukan bumiputra.
- Masa memproses dokumen tawaran dapat dikurangkan.
- Tawaran ini hanya layak kepada kontraktor yang mempunyai kepakaran sahaja.
- Harga yang ditawarkan menjadi tinggi disebabkan kurangnya persaingan.
- Hanya sesuai untuk projek-projek yang besar dan tidak sesuai untuk projek yang kecil.

TENDER TERHAD	TENDER PRA KELAYAKAN

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

1. Terangkan **dua (2)** perbezaan di antara jadual aktiviti pembinaan dengan laporan kemajuan kerja.  
(4 markah)
2. Berikan **tujuh (7)** kepentingan dokumen kontrak.  
(7 markah)
3. Kirakan bon pelaksanaan yang dikenakan terhadap kontrak berikut:  
(i) Kontrak bekalan bernilai RM 500,000 untuk tempoh 2 tahun.  
(ii) Kontrak kerja bernilai RM 700,000  
(5 markah)
4. Nyatakan **lima (5)** objektif pembentukan sebuah organisasi.  
(5 markah)
5. Senaraikan **lima (5)** objektif organisasi dalam aspek pembinaan.  
(5 markah)
6. Syarikat AB construction Sdn. Bhd. akan memulakan satu lagi projek berskala besar pada pertengahan tahun 2023.
  - i. Apakah jenis struktur organisasi yang paling sesuai untuk syarikat kontraktor tersebut di mana kuasa pengurusan sepenuhnya menjadi tanggungjawab Pengurus Projek.  
(1 markah)
  - ii. Lakarkan bentuk struktur organisasi yang anda cadangkan tersebut.  
(4 markah)

7. Terangkan **empat (4)** perkara yang perlu diambil kira oleh majikan dalam penilaian prestasi kakitangan.

(4 markah)

8. Jelaskan **lima (5)** kepentingan imbuhan prestasi terhadap pekerja.

(5 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan dalam Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

KOD	AKTIVITI	TEMPOH MASA (minggu)	IPA, Sebaik Sebelum Aktiviti (Immediately Preceding Activity)
A	Merekabentuk	4	-
B	Pengendalian kerja awalan	3	A
C	Kerja-kerja tanah	5	B
D	Kerja-kerja asas	4	B
E	Pembinaan struktur	6	C,D
F	Penyiapan	7	E

**Jadual 1 : Urutan Aktiviti Pembinaan Dan Tempoh**

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan apungan bebas (*free float*)?  
(2 markah)
- b) Berpandukan **Jadual 1** di atas, binakan Carta Gantt yang sesuai untuk pemantauan proses kerja pembinaan.  
(6 markah)
- c) Berdasarkan **Jadual 1** di atas, lakarkan Rajah Jaringan yang menunjukkan Kaedah Laluan Kritikal /CPM (*Critical Path Method*).  
(12 markah)

**SOALAN 2**

Syarikat Ismit construction mendapat kontrak untuk menyediakan 12 buah kerusi batu bagi sebuah taman rekreasi. Tempoh penyiapan pembinaan kesemua pondok tersebut adalah 4 bulan. Kos pembinaan bagi setiap kerusi batu adalah RM 500 per unit. Walaubagaimanapun, sehingga akhir bulan ketiga, Syarikat Ismit construction hanya berjaya membina 7 buah kerusi batu sahaja dan telah membelanjakan sebanyak RM 4,000.

- a) Binakan lengkok S / *S-Curve* bagi kerja pembinaan kerusi batu oleh Syarikat Ismit construction yang terdiri dari lengkok *BCWS*, *BCWP* dan *ACWP*.

(8 markah)

- b) Berdasarkan lengkok S yang telah dibina, bezakan maksud:

- i) Kos bajet mengikut jadual (*BCWS*)
- ii) Kos bajet mengikut prestasi kerja (*BCWP*)
- iii) Kos sebenar mengikut prestasi kerja (*ACWP*)

(6 markah)

- c) Hitungkan Varian Jadual / *Schedule Variance (SV)* dan Varian Kos / *Cost Variance (CV)* bagi kerja yang telah dilakukan oleh Syarikat Ismit construction.

(6 markah)

**[40 MARKAH]**